

Oleh AMREE AHMAD

Fokus: Pembangkang Era Pasca Dr. Mahathir

SELURUH negara (dan mungkin dunia) kini memberi perhatian kepada detik peralihan pucuk pimpinan Malaysia pada hujung bulan ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bakal menyerahkan teraju ketua kerajaan kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Secara rasmi Dr. Mahathir akan mengakhiri pemerintahan 22 tahun beliau pada 31 Oktober ini.

Majlis persaraannya itu jatuh pada hari Jumaat 31 Oktober dan kebetulan setelah lima hari umat Islam menyambut puasa Ramadan. Secara simbolik, Abdullah dijangka menghadiri majlis formal sulung beliau selaku Perdana Menteri kelima sejak negara kita merdeka dengan bersolat Jumaat bersama rakyat di Masjid Putra, Putrajaya.

Ketika tumpuan masyarakat kepada peralihan ketua kerajaan, pada masa yang sama secara tidak langsung ia memberi 'isyarat' bahawa pilihan raya umum ke-11 juga bakal menjelang. Di atas kertas, Parlimen dan semua Dewan Undangan Negeri (DUN) di Semenanjung mesti dibubarkan paling lewat sebelum akhir tahun depan.

Bagaimanapun, lima pilihan raya umum pada era pemerintahan Dr. Mahathir menyaksikan tempoh hayat Parlimen tidak pernah genap lima tahun. Pilihan raya umum ke-10 pada 29 November 1999, misalnya, diadakan tujuh bulan lebih cepat daripada penggal sidang terakhir. Namun secara tradisi apabila berlaku perubahan jawatan Perdana Menteri, pilihan raya perlu diadakan awal bagi mencari mandat untuk Abdullah.

Abdullah atau lebih dikenali sebagai Pak Lah pastinya mempunyai perkiraan tersendiri. Beliau tentu sudah mendapat 'ilham' mengenai tarikh pembubaran Parlimen. Beliau akan mengambil kira pelbagai faktor semasa termasuk kekuatan Barisan Nasional (BN) dan kelemahan pembangkang bagi memastikan kemenangan besar parti pemerintah.

Situasi permainan 'teka-teki' pilihan raya itu mungkin menimbulkan keresahan di pihak pembangkang yang berkira-kira mengulangi semula kegemilangan mereka

# ANTARA TERGUGAT DAN SIAP SIAGA

Bahang pilihan raya umum sudah terasa menjelang peralihan kuasa pada 31 Oktober ini. Lebih 10 juta pengundi bakal menentukan penerusan mandat Barisan Nasional. Apakah nasib pembangkang yang semakin hilang arah?



Kewujudan banyak parti pembangkang di Malaysia mencerminkan kesuburan sistem demokrasi di negara ini. - Gambar hiasan

seperti dalam pilihan raya umum 1999.

Bagaimanapun, situasi politik mungkin lebih buruk kepada pembangkang semasa Malaysia di bawah pentadbiran Abdullah. Pembangkang sudah ketiadaan isu baru yang boleh menarik pengundi untuk mengubah 'selera' dan beralih angin daripada terus menyokong BN.

"Siapa kata pembangkang terutama Pas kini semakin lemah. Apa yang kami dapati ialah sokongan rakyat khususnya pa-

ra pengundi Melayu terus bertambah," kata Ketua Dewan Muslimat Pas Pusat, Kalthom Othman yang baru terpilih setelah menewaskan Fatimah Ibrahim dalam Muktamar Pas ke-49 pada 12 September lepas.

Beliau yang juga Pengerusi Lujnah Penerangan Muslimat Pas Pusat menegaskan, parti pembangkang terbesar itu tidak

**Kerusi Pembangkang Pas / DAP Peringkat Dewan Rakyat Di Parlimen Mengikut Tahun**

Negeri / Tahun	1959	1964	1969	1974	1978	1982	1986	1990	1995	1999
Pembangkang	Pas/DAP	Pas/DAP	Pas/DAP	Pas/DAP	Pas/DAP	Pas/DAP	Pas/DAP	Pas/DAP	Pas/DAP	Pas/DAP
Johor	0/-	0/-	0/0	-/0	0/1	0/0	0/0	0/0	0/0	0/0
Kedah	0/-	0/-	3/0	-/0	2/0	1/0	0/0	0/0	0/0	8/0
Kelantan	9/-	8/-	6/0	-/0	2/0	4/0	1/0	6/0	6/0	10/0
K. Lumpur	0/-	0/-	0/0	-/2	0/3	0/3	0/4	0/4	0/4	0/4
Labuan	0/-	0/-	0/0	-/0	0/0	0/0	0/0	0/0	0/0	0/0
Melaka	0/-	0/-	0/1	-/1	0/1	0/1	0/1	0/1	0/1	0/1
N. Sembilan	0/-	0/-	0/3	-/1	0/1	0/0	0/2	0/0	0/0	0/0
Pahang	0/-	0/-	0/0	-/0	0/0	0/0	0/0	0/0	0/0	0/0
Perak	0/-	0/-	1/5	-/4	0/4	0/0	0/4	0/4	0/0	2/1
Perlis	0/-	0/-	0/0	-/0	0/0	0/0	0/0	0/0	0/0	0/0
P. Pinang	0/-	0/-	0/1	-/0	1/4	0/2	0/6	0/6	0/3	0/4
Sabah	0/-	0/-	0/0	-/0	0/0	0/1	0/4	0/0	0/0	0/0
Sarawak	0/-	0/-	0/0	-/0	0/0	0/2	0/1	0/2	0/1	0/0
Selangor	0/-	0/-	0/3	-/1	0/1	0/0	0/2	0/3	0/0	0/0
Terengganu	4/-	1/-	2/0	-/0	0/0	0/0	0/0	1/0	1/0	7/0
<b>Jumlah</b>	<b>13/-</b>	<b>9/-</b>	<b>12/13</b>	<b>-/9</b>	<b>5/15</b>	<b>5/9</b>	<b>1/24</b>	<b>7/20</b>	<b>7/9</b>	<b>27/10</b>
Kerusi BN	74	89	74	135	130	132	148	127	162	148
Keseluruhan	104	104	144	154	154	154	177	180	192	193

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2002).

Nota: Pas menyertai Barisan Nasional pada 1974 sementara DAP belum ditubuhkan sehingga 1969.

Nota: Kedudukan tidak termasuk pembangkang lain dan jika keputusan sebaliknya dalam pilihan raya kecil.

menghadapi masalah mengekalkan penguasaan di DUN Kelantan dan Terengganu. "Pas berkempen sepanjang masa dan tidak mustahil beberapa negeri bakal 'jatuh' ke tangan Pas kelak," ujarnya penuh yakin.

Pandangan Kalthom itu mungkin sekadar penyejuk hati bagi menggambarkan Pas masih teguh walaupun ramai pemerhati politik tempatan menganggap Pas hebat bukanlah sebab parti itu sendiri kuat. Tetapi lebih berpunca daripada kelemahan UMNO selaku tunjang BN khususnya ketika kemuncak isu salah laku Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1998 lalu.

Namun, tanggapan itu tidak dipersetujui oleh DAP. Naib Pengerusi Kebangsaannya, Dr. Tan Seng Giaw berpendapat,

meskipun pembangkang semacam tiada lagi sebarang isu baru yang boleh dieksploitasi, ini bukan juga bermakna BN boleh menang besar dalam pilihan raya umum akan datang. Baginya, peluang kepada pembangkang boleh datang pada bila-bila masa walaupun BN ketika itu adalah kuat.

"Barangkali kemenangan kita tidaklah sampai menafikan majoriti dua pertiga, tetapi siapa sangka banyak kerusi BN khasnya di kawasan berisiko boleh jatuh ke tangan pembangkang," kata ahli Parlimen kawasan Kepong itu kepada MASSA. Seng Giaw percaya peralihan kuasa pada 31 Oktober ini memberi kesan dari segi imej kepimpinan.

"Langkah media arus perdana proke- rajaan mendewa-dewakan Dr. Mahathir secara tidak langsung juga menggambarkan betapa tidak hebatnya Pak Lah. Ini kerana Pak Lah cuma pengganti jawatan apabila Anwar yang sepatutnya lebih layak pula kena buang," dakwa ahli Majlis Pimpinan Tertinggi, Parti Keadilan Rakyat, N. Gobalakrishnan.

Beliau percaya masyarakat Malaysia akan beralih mengundi pembangkang dari Barisan Alternatif bagi menumbangkan BN.

Gobalakrishnan langsung tidak menyebut sama ada dalam pilihan raya umum akan datang rakyat juga perlu mengambil kira rekod cemerlang komponen 14 parti pemerintah BN yang berjaya memacu negara ke arah kecemerlangan pada era Dr. Mahathir dan akan berlanjutan semasa Abdullah menjadi Perdana Menteri.